

Jenis Akhbar : Kosmo Ahad

Tarikh : 30/06/2019

Edisi / Muka Surat : Nasional / 8

Tajuk : Abdul Fattah kekal Presiden ANGKASA untuk penggal ketiga

Abdul Fattah kekal Presiden Angkasa untuk penggal ketiga

KUALA LUMPUR - Datuk Abdul Fattah Abdullah sekali lagi berjaya mengekalkan jawatan sebagai Presiden Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) untuk tempoh tiga tahun akan datang selepas memenangi pemilihan koperasi induk itu semalam.

Beliau yang mendapat 2,924 undi mengalahkan satu-satunya pesaing jawatan tersebut, Dr. Mustapa Kamal Maulut yang memungut 1,071 undi.

Abdul Fattah yang juga Presiden Pertubuhan Koperasi ASEAN (ACO) telah memegang jawatan Presiden Angkasa sejak 2013.

Keputusan tersebut diumumkan semasa sesi penutupan Persidangan Kebangsaan Tahunan Angkasa (PKTA) Ke-34 yang akan diadakan di Pusat Dagangan Dunia Putra.

Terdahulu persidangan itu

dirasmikan Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Seri Mohd. Redzuan Md. Yusof.

Lebih 4,000 perwakilan mengundi untuk memilih jawatan-jawatan yang dipertandingkan.

Sementara itu, Abdul Fattah ketika diminta mengulas mengenai hala tuju Angkasa menjelaskan, bahawa koperasi itu akan terus ke hadapan dalam membangunkan keupayaan ekonomi untuk jangka masa panjang.

"Kita ada Pelan Strategi Ekonomi Angkasa Wawasan 2050 yang melalui tiga fasa.

"Fasa jangka pendek pada 2020 hingga 2025, fasa jangka sederhana pada 2025 hingga 2030 dan fasa jangka panjang pada 2030 dan ke hadapan," katanya.

Menurutnya, pada fasa 2020-2025, Angkasa akan menjadi peneraju perniagaan gerakan koperasi untuk rantau Asia Pasi-



angkasa



ABDUL FATTAH (kiri) dan Abdul Rahman menjulang tangan selepas masing-masing diumumkan presiden dan naib presiden Angkasa pada Persidangan Kebangsaan Tahunan Angkasa di PWTC semalam.

fik.

"Boleh dikatakan fasa ini sudah tercapai kerana saya sendiri

sudah memimpin Badan Koperasi ASEAN (ACO) sejak 2014 hingga hari ini," tambahnya.

INFO

Keputusan pemilihan kepimpinan Angkasa

Presiden:

Datuk Abdul Fattah Abdullah

Naib presiden:

Prof. Madya Datuk Dr. Abdul Rahman Abdul Razak Shaik.

Jawatankuasa:

1. Alimen Ahmad
2. Norizah Abdullah
3. Datuk Mat Rejab Kassim
4. Siti Zawyah Ahmad
5. Putera Syyamil Ismail
6. Fadzilah Arshad

RALAT

TERDAPAT kesilapan gambar pada berita Tunjugu Bukit Kukuh Siasatan MH17 yang disiarkan dalam akhbar ini kelmarin.

GAMBAR tersebut sepatutnya Menteri Luar, Datuk Saifuddin Abdullah bukan seperti yang tersiar.

Perpustakaan Koperasi
Malaysia ANGKASA